

UMSKAL perlu jadi peneraju program kemasyarakatan

UB 7.5.2015 B9

UNIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) perlu menjadi peneraju pelbagai program kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli berkata, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT), UMSKAL sewajarnya menjadi contoh kepada penduduk setempat bukan sahaja dalam bidang pendidikan tinggi tetapi juga bidang lain.

Katanya, universiti awam itu perlu mendahului organisasi lain dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai hab pendidikan yang unggul di rantau ini.

Beliau yang juga pengerusi Perbadanan Labuan berkata, warga universiti khususnya pensyarah dan pelajar boleh menabur bakti kepada masyarakat tempatan bukan sahaja untuk menaikkan semangat mereka memasuki IPTA tetapi juga menjadikan akademik suatu bidang ilmu yang diutamakan pada zaman serba mencabar ini.

“UMSKAL perlu menjadi peneraju pelbagai bidang

yang berkaitan kemasyarakatan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk pendidikan dan keusahawanan serta kepimpinan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis ramah mesra Ahli Parlimen Labuan dan pemimpin masyarakat Labuan bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMSKAL di Hotel Tiara, malam kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Madya Dr Ismail Ali, Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohammad Tuah.

Hadir sama, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Mas Adi Alimin dan Naib Presiden MPP Amos Peter.

Rozman berkata, pensyarah dan pelajar UMSKAL boleh menjadi mentor kepada generasi muda termasuk pelajar sekolah menengah dan golongan belia untuk terus gigih menimba ilmu sehingga ke menara gading.

Katanya, bidang pendidikan tinggi semakin menjadi kemestian buat ibu bapa untuk memastikan

anak-anak mereka tidak ketinggalan mengenggam segulung ijazah dan seterusnya mempunyai kerjaya yang mampu menyara diri dan keluarga pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau mengajak semua pelajar universiti agar turut menjadikan bidang keusahawanan dan perniagaan sebagai kerjaya selepas menamatkan pengajian kelak.

“Keusahawanan dan perniagaan dikenalpasti sebagai kerjaya yang mampu berkembang pesat sekali gus menyerapkan ilmu berkenaan kepada generasi akan datang,” katanya.

Rozman juga melahirkan penghargaan kepada UMSKAL yang mengambil inisiatif menjadi tempat pengumpulan barang keperluan mangsa banjir di Semenanjung dan Sabah pada tahun lalu.

Selain itu, beliau berkata Labuan memerlukan warga yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran untuk bersama-sama menjayakan visi dan misi kerajaan menjadikan Labuan sebagai hab industri minyak dan gas di rantau ini.

Sementara itu, Ismail yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, mengucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Labuan dan barisan kepimpinan Labuan yang sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan pelbagai program di UMSKAL.

Katanya, hubungan baik yang sedia terjalin antara warga universiti dengan pemimpin dan masyarakat setempat akan diteruskan selaras dengan hasrat naib canselor untuk mendekati universiti dengan komuniti



ROZMAN (lima kanan), **Ismail** (lima kiri) dan **Murnizam** (empat kanan) bersama pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar UMSKAL.

setempat.

Beliau juga berharap setiap program anjuran universiti perlu membabitkan pihak pemimpin dan masyarakat setempat supaya penduduk kampung, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, swasta dan pelajar merasai kewujudan UMSKAL di pulau bebas cukai ini.

“Kita akan memastikan program UMSKAL akan membabitkan pemimpin dan

masyarakat tempatan seperti bakti siswa yang terbukti mampu mendekati warga universiti dengan komuniti di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Ismail juga mengingatkan pelajar agar tidak membabitkan diri dengan kegiatan yang boleh mencemarkan nama baik universiti dan keluarga sehingga menjejaskan masa depan mereka sendiri. “Tumpukan sahaja kepada pelajaran yang menjadi has-



SEBAHAGIAN pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar yang menghadiri majlis ramah mesra dengan Ahli Parlimen Labuan.

rat utama ibu bapa menghantar anda ke universiti dan bukannya menyertai aktiviti

yang tidak berfaedah serta menjejaskan nama baik UMS secara amnya,” katanya.



KETUA MIC Labuan Ramasamy Rengasamy turut menerima cenderamata daripada Ismail.



ROZMAN (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Ismail sambil diperhatikan Murnizam (tiga kiri), Zamri (kiri) dan Amos (dua kiri) pada majlis ramah mesra Ahli Parlimen Labuan dengan MPP UMSKAL di Hotel Tiara, malam kelmarin.